

11/01/1998

Sikap pemimpin Pas seperti 34 ahli Kongres AS

KOTA BHARU: Umno membidas kenyataan pemimpin Pas yang mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan atas alasan kononnya gagal menangani krisis ekonomi negara sekarang.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Ibrahim Ali, berkata kenyataan itu menunjukkan kepada rakyat, bahawa mereka mempunyai sikap dan pendirian sama seperti 34 Ahli Kongres Amerika Syarikat sebelum ini, yang mendesak Dr Mahathir meletakkan jawatan kononnya beliau anti-Yahudi.

Menurutnya, sikap pemimpin Pas itu juga jelas bertentangan dengan kenyataan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang mahu mengamalkan dasar berbaik-baik dengan Kerajaan Pusat.

"Pas patut sedar krisis ekonomi yang dihadapi sekarang bukan masalah peribadi Perdana Menteri. Apakah kejatuhan nilai bath di Thailand, rupiah di Indonesia dan peso di Filipina juga kerana Perdana Menteri" katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan untuk Tabung Keluarga Abdul Rahim Abdul Rashid, di sini semalam.

Ibrahim berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Setiausaha Agung Pas, Abdul Halim Arshad dalam lidah rasmi parti itu, Harakah keluaran 9 Januari lalu, menggesa Perdana Menteri meletakkan jawatan kerana didakwa gagal menangani krisis kegawatan ekonomi negara.

Abdul Halim mendakwa, strategi kerajaan ternyata gagal menangani krisis ekonomi negara apabila nilai ringgit semakin jatuh dan berada pada paras membimbangkan.

Ibrahim menyifatkan tindakan Pas itu tidak lebih sebagai perang saraf yang bermotifkan politik, sedangkan mereka sendiri gagal membantu kerajaan memulihkan keadaan ekonomi negara.

(END)